

26/09/2002

Majikan bimbang pekerja 'lari' selepas jalani latihan di ABM

Khairul Anwar Rahmat; Mohd Yusof Sulaiman; Rohaniza Idris

ORANG ramai diminta bersikap terbuka dan mengubah persepsi bahawa kerjaya dalam bidang pembinaan berstatus rendah selain tidak menjamin masa depan.

Sebaliknya, masyarakat terutama golongan belia perlu memanfaatkan peluang kerjaya dalam bidang pembinaan dengan mengikuti kursus dan latihan yang disediakan kerajaan.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Mohd Khaled Nordin, berkata penubuhan Akademi Binaan Malaysia (ABM) membuktikan iltizam kerajaan untuk melahirkan tenaga mahir dan separa mahir tempatan.

Katanya, kemudahan dan peluang latihan yang ditawarkan ABM memenuhi kehendak serta perkembangan semasa industri pembinaan.

Beliau berkata, institusi latihan formal seperti ABM juga menjamin suasana lebih tersusun, di samping memastikan kelangsungan tenaga kerja mahir negara.

"Pelatih ABM bukan saja didedahkan kepada kaedah pembelajaran dan pengajaran yang sistematik, malah diterapkan disiplin kerja berhemah dan berdedikasi," katanya.

Sehingga kini, ABM menawarkan pelbagai kursus dalam industri pembinaan, termasuk penerapan batu-bata, pengendalian paip, pemasangan jubin dan marmar, pendawaian elektrik, kimpalan, pengendalian bangunan, pengendalian kren, jentolak serta kemahiran landskap.

Mohd Khaled berkata, ABM boleh disertai oleh pelbagai golongan sama ada lepasan sekolah, belia dan pekerja binaan sedia ada.

Katanya, latihan kepada pekerja sedia ada bertujuan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam kerjaya dan bidang yang diceburi.

"Penubuhan ABM bertujuan mengurangkan pergantungan negara kepada pekerja asing. Dengan ada tenaga kerja mahir tempatan, industri pembinaan negara akan lebih kukuh dan stabil," katanya.

Justeru, katanya, syarikat pembinaan tempatan perlu memanfaatkan peluang yang disediakan ABM untuk melatih pekerja mereka.

Bagaimanapun, beliau menegur segelintir syarikat pembinaan yang keberatan menghantar pekerja untuk dilatih di ABM.

Katanya, sikap itu berpunca daripada kebimbangan majikan mengenai kemungkinan pekerja mereka 'lari' selepas menerima latihan formal untuk mencari peluang kerja lebih baik.

Selain itu, katanya, pekerja yang terlatih juga mungkin mengemukakan pelbagai permintaan, terutama kenaikan gaji.

"Faktor lain yang turut menyebabkan majikan enggan menghantar pekerja berkursus di ABM ialah kerana mereka tidak mempunyai cukup pekerja untuk menampung kekosongan," katanya.

Mohd Khaled berkata, faktor berkenaan menyebabkan ABM dipandang sepi, baik oleh belia tempatan mahupun syarikat pembinaan.

"Bagaimanapun, kita faham mengenai dilema sesetengah kontraktor yang kurang maklumat mengenai ABM.

"Ini adalah antara kelemahan yang kita kenal pasti dan akan diperbaiki secepat mungkin.

"Kita juga akan gandakan usaha publisiti (mengenai ABM) kepada masyarakat dan syarikat pembinaan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap kontraktor tempatan mengubah sikap mereka kerana kerajaan sudah menunjukkan kesediaan membantu menerusi pelbagai insentif yang ditawarkan dalam pembentangan Bajet 2003, baru-baru ini.

"Kementerian berharap kontraktor tempatan mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan peka terhadap perkembangan dalam negara.

"Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa memikirkan kaedah terbaik dan memperkenalkan pendekatan baru bagi membantu mereka mencapai kecemerlangan," katanya.

Beliau berkata, pentadbiran yang baik, terutama pengurusan sumber manusia berkesan, mampu mempertingkatkan kewibawaan kontraktor.

Katanya, pekerja terlatih dan mencukupi sangat diperlukan untuk menyiapkan sesuatu projek mengikut tempoh perancangan ditetapkan.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan had baru nilai kerja bagi kontraktor kelas A kepada RM15 juta ke atas, kelas B (RM5 juta hingga RM15 juta), kelas C (RM2 juta hingga RM5 juta), kelas D (RM500,000 hingga RM2 juta), kelas E (RM200,000 hingga RM500,000) dan kelas F (RM200,000 ke bawah).

Pada masa ini, Malaysia mempunyai 44,000 kontraktor, termasuk 21,000 kontraktor kelas F.

Justeru, Mohd Khaled berkata, kementerian akan memastikan setiap kontraktor bekerja dengan tekun dalam membangunkan sesuatu projek.